

Tingkat fungsi Sasterawan Negara

» Pengiktirafan wajar disusuli dengan tugas nyata



Dari kiri; Dr Mohamad Saleeh, Dr Anwar dan Prof Hashim pada Seminar 6 Sasterawan Negara di Dewan Zaaba, Universiti Putra Malaysia, Serdang.



“Kerajaan perlu memandang serius terhadap pendidikan Sastera sehingga kita berjaya melahirkan pengarang sastera yang terlatih dan memahami karya sastera tanah air serta antarabangsa”

Dr Anwar Ridhwan,
SN Ke-10



Antara peserta yang hadir pada Seminar 6 Sasterawan Negara.

Oleh Nazmi Yaakub
nazmi@mediaprime.com.my

Arah dan falsafah sastera kebangsaan di negara ini masih lagi kabur kerana penulis muda dianggap tercari-cari landasan perjuangan dan kepengarangan mereka, selain pada masa sama, penghargaan terhadap Sasterawan Negara (SN) seolah-olah terhenti sebaik saja mereka dinobatkan.

Dua persoalan itu dilontarkan pada Forum Kesusteraan Negara Pada Abad Ke-21: Arah dan Falsafah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, baru-baru ini.

Sastera kebangsaan tidak jelas
Ketua Jabatan Kesusteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Hashim Awang, berkata kesusteraan kebangsaan berada pada keadaan yang tidak jelas ekoran perkembangan pengarang yang tidak menentu.

“Karya sastera nasional kebanyakannya dihasilkan penulis muda yang sebahagian besar ialah pengarang wanita yang menggarap persoalan kehidupan bersifat remaja dan cinta. Ini yang dikesan dalam karya untuk penilaian Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM),” katanya pada forum yang dipengerusikan Presiden Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA), Dr Mohamad Saleeh Rahamad.

Penulis lemah

Persoalan lebih besar daripada isu itu seperti persoalan bangsa dan agama serta budaya yang ketika ini dalam



Dr Anwar menerima cenderamata daripada Dr Muhamad Saleeh.

[FOTO AZIAH AZMEE/BH]

keadaan terumbang-ambing gagal dibawa penulis muda ke dalam karya mereka, iaitu suatu yang berbeza dengan arah dan falsafah sastera sebelum ini.

"Pada zaman sebelum kemerdekaan, ramai pengarang memperjuangkan kemerdekaan dan mengangkat ciri bangsa Melayu dan agama Islam dalam karya kerana penulis ketika itu berpendidikan agama, wartawan dan guru," katanya pada forum bersempena Seminar 6 Sasterawan Negara.

Prof Hashim berkata, arah dan falsafah sastera juga jelas tertera pada perjuangan generasi Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50), tetapi landasan sastera disifatkan berubah selepas 1990.

"Kita tidak menemukan arah dan aliran yang jelas bagi menentukan bentuk sastera yang mereka mahu hasilkan. Pada masa sama, konsep kesusteraan kebangsaan hanya tinggal riama, sedangkan ia tidak diterapkan dalam karya sastera khususnya kalangan penulis mudah," katanya pada forum yang turut dihadiri Dekan FBMK UPM, Prof Madya Dr Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad dan SN Ke-11, Datuk Dr Ahmad Kamal Abdullah.

ASN tidak beri kesan besar

Kedua-dua yang tidak jelas itu, didakwa diburukkan lagi dengan penganugerahan Anugerah Sastera Negara (ASN) yang tidak memberi kesan besar kepada perkembangan sastera kebangsaan di negara ini.

"Penerima memang mendapat hadiah wang, jumlah penerbitan tertentu dan kemudahan perubatan, tetapi selepas itu tidak ada aspek penghargaan bersifat menyeluruh. Ini berbeza dengan golongan artis yang terus dipopularkan selepas menerima atau memenangi sesuatu anugerah."

"Justeru, sudah tiba pada masanya, kita memberikan 'kuasa' kepada SN seperti pelantikan sebagai senator atau kedudukan dalam jawatankuasa berkaitan sastera selari dengan sumbangan mereka dalam bidang sastera di negara ini," katanya yang juga Felo Penyelidik Kanan APM UM.

Wajibkan subjek Sastera

SN Ke-10, Datuk Dr Anwar Ridhwan menyarankan pendidikan sastera diberi keutamaan di sekolah seperti yang berlaku di negara maju apabila pelajar Sains dibenarkan mengambil subjek Sastera,



"Karya sastera nasional kebanyakannya dihasilkan penulis muda yang sebahagian besar ialah pengarang wanita yang menggarap persoalan kehidupan bersifat remaja dan cinta. Ini yang dikesan dalam karya untuk penilaian Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM)"

**Prof Hashim Awang,
Ketua Jabatan Kesusteraan
APM, Universiti Malaya**

manakala sebahagian universiti pula mewajibkannya.

"Ini kerana mereka menyedari pelajar yang mengambil subjek Sains semata-mata akan menjadi kaku dan beku sehingga memerlukan mata pelajaran Sastera yang menekankan aspek kemanusiaan khususnya komunikasi sesama manusia dan perhubungan dengan alam."

"Kerajaan perlu memandang serius terhadap pendidikan Sastera sehingga kita berjaya melahirkan pengarang sastera yang terlatih dan memahami karya sastera tanah air serta antarabangsa," katanya.

Kritikan ahli panel itu turut mendorong khalayak untuk melontarkan saran dalam memartabatkan SN seperti Pengarang Urusan Bernama Radio24, Mohamad Letfee Ahmad yang menyarankan kategori sastera turut diambil kira dalam Anugerah Maal Hijrah.